



**SIARAN AKHBAR**  
**Brunei *Real-Time Gross Settlement system (RTGS)***

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB) telah melaksanakan system Brunei *Real-Time Gross Settlement system (RTGS)* pada November 2014. Ini adalah selaras dengan Perintah AMBD, 2010 dan 2015 , di mana AMBD mempunyai tanggungjawab untuk membantu dalam mengadakan dan berfungsinya sistem pembayaran yang cekap dan untuk mengawasinya di Negara Brunei Darussalam.
2. RTGS adalah system pembayaran *inter-bank* yang digunakan untuk pemindahan dana yang bernilai besar dan juga pembayaran segera yang membolehkan bank-bank untuk memindahkan wang secara *real-time*. Kelebihan yang terdapat dalam penggunaan system ini antaralainnya adalah mempercepatkan pembayaran bagi bank-bank dan pelanggan, dan mengelakkan risiko dana yang tidak mencukupi. Semua bank-bank berlesen penuh di negara ini kini boleh menawarkan perkhidmatan tersebut, tertakluk kepada jumlah dana dalam akaun pelanggan yang membayar.
3. Sistem RTGS adalah nadi sistem pembayaran negara moden yang menyediakan asas bagi pelbagai perkhidmatan pembayaran elektronik. RTGS Brunei adalah system RTGS yang pertama di ASEAN yang menggunakan mesej MX baru ISO 20022, yang mana akan membolehkan Negara Brunei Darussalam untuk mengambil manfaat daripada integrasi ekonomi ASEAN. Dengan pelaksanaan system ini juga, institusi-institusi kewangan boleh menggunakan mekanisme pembayaran lain berdasarkan teknologi baru, seperti *Automated Clearing House (ACH)*
4. AMBD dan bank-bank juga bersedia untuk memperkenalkan sistem ACH baru, yang dijadualkan akan dilaksanakan pada akhir tahun ini. Sistem ini akan menyediakan kaedah pemindahan kredit secara elektronik di antara bank-bank seperti pemindahan kredit yang bernilai rendah, kemasukan gaji dan *direct-debit* di antara bank. Sistem ACH baru ini adalah bertujuan untuk menggantikan sistem manual pemprosesan cek yang ada pada masa ini. Pusat pemprosesan cek, yang sebelum ini di bawah Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB) telah dipindahkan ke AMBD pada Disember 2014.
5. Pengenalan bersama sistem RTGS dan ACH ini adalah khusus bagi menyokong pertumbuhan pembayaran runcit secara elektronik, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada kaedah pembayaran wang tunai dan cek seperti manual, seperti yang telah dilaksanakan di negara-negara ASEAN yang lain. Harga dan had nilai yang berbeza akan menggalakkan pelanggan untuk memilih kaedah yang lebih dipercayai dan cekap serta kaedah elektronik yang selamat.
6. Untuk keterangan lebih lanjut, sila emel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn)

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Date : 24 Sya'aban 1436 / 11 June 2015

Ref : AMBD/COMM/3